



KETUA PENGARAH JABATAN PERUMAHAN NEGARA
(Director General of National Housing Department)

Aras 6, Blok F Utara
Pusat Bandar Damansara
50782 Kuala Lumpur
Telefon : 03-2087 4800
Faks : 03-2093 6983
Laman Web : <http://ehome.kpkt.gov.my>
E-mail : kpjpn@kpkt.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : (40)JPN/(PS)/824/3
Tarikh : 11 Oktober 2010

Seperti Senarai Edaran

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**FORMAT BARU BORANG KEMAJUAN PROJEK DI BAWAH SEKSYEN 7(f)
AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966 [AKTA
118] DAN PINDAAN KEKERAPAN PENGHANTARAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah meminda format Borang Kemajuan Projek Di Bawah Seksyen 7(f) [Borang 7(f)] Akta 118 dengan memasukkan beberapa butiran baru seperti berikut :

- (i) Butiran kewangan projek – no. Akaun Pemajuan Perumahan (HDA), baki bulanan HDA, nama bank dan cawangan, Jadual Sijil Pembayaran Arkitek, Jadual Perbelanjaan Lain-lain,
- (ii) Butiran penjualan rumah – jumlah nilai jualan terkini
- (iii) Senarai Nama Pembeli - muat naik fail mengikut format yang ditetapkan

3. Seperti yang Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, pada masa ini semua pemaju berlesen dikehendaki mengemukakan Borang 7(f) secara '*online*' tidak lewat daripada 21 Januari dan 21 Julai pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, pada masa akan datang, Jabatan ini telah meminda kekerapan penghantaran Borang 7(f) daripada dua kali setahun kepada empat kali setahun. Pemaju hendaklah mengemukakan borang tersebut mengikut sesi penghantaran seperti di **Lampiran A**.

4. Untuk makluman, pindaan format dan kekerapan penghantaran borang ini akan berkuatkuasa mulai **4 Oktober 2010**. Sehubungan itu, satu sesi percubaan akan diadakan dan pemaju bolehlah mula mengemaskini Borang 7(f) dalam sesi percubaan mulai 4 Oktober 2010 sehingga 31 Disember 2010. Pemaju tidak perlu mengemukakan Borang 7(f) bagi Sesi Disember sepertimana sebelum ini. Garis panduan untuk mengisi borang berkenaan adalah seperti di **Lampiran B** dan boleh dimuat turun dari laman web KPKT (www.kpkt.gov.my).

5. Untuk sebarang keterangan lanjut mengenai perkara ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut :

- (a) Encik Zulkarnain Bin Jusoh : 03-2087 4633
- (b) Sahida Anies Bt Zainuddin : 03-2087 4671

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ 1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ABU BAKAR BIN HASSAN)

Ketua Pengarah

Jabatan Perumahan Negara

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

s.k :

Y. Bhg. Dato' KSU

Y. Bhg. Dato' TKPO / JPN

SUB (TM) / KPKT